

## BAB 1

### PENGENALAN

Setiap individu mempunyai idea atau imej tentang diri masing-masing. Idea ini membentuk satu konsep kendiri iaitu suatu konsep yang akan memberi gambaran individu mengenai dirinya sendiri umpamanya dia merasakan berkebolehan dari segi akademik, cantik, dihormati, bertanggungjawab dan lain-lain tingkah laku yang baik. Konsep kendiri diterima sebagai satu cara yang berkesan untuk memahami dan mengkaji tingkah laku manusia. Ia mempengaruhi segala kualiti tingkah laku individu dan cara-cara individu menyesuaikan diri dalam alam sekitar. Jersild (1963), menyatakan konsep kendiri seseorang merupakan kesemua perkara yang boleh dikatakan miliknya. Antara lain, ia meliputi sistem idea, sikap, nilai dan komitmen seseorang. Menurut beliau lagi kendiri adalah seluruh alam sekitar seseorang dan merupakan satu pusat pengalaman yang bermakna baginya kerana ia membezakan dunia dalaman seseorang daripada dunia dalaman orang lain.

Fitter dan Hammer (1969) dan Palmer (1970), ahli psikologi Barat menganggap konsep kendiri sebagai pembolehubah yang penting dalam memahamkan dengan jelas tingkah laku manusia; Cooley (1956), Mead (1934) dan Sullivan (1947) pula merujuk konsep kendiri sebagai idea atau anggapan individu terhadap personaliti dan sifat-sifatnya (dalam Kalthum bt. Othman 1987). Ia merupakan kesatuan semua sifat dan kepercayaan yang diperolehi oleh individu daripada persekitaran dan orang lain.

Oleh kerana konsep kendiri merupakan tindak balas yang dipelajari, individu cenderung membentuk jangkaan yang positif dan negatif. Seseorang itu akan mempunyai konsep kendiri yang positif atau tinggi sekiranya ia bertindak balas terhadap nilai dan jangkaan yang baik terhadap dirinya. Sebaliknya seseorang itu akan cenderung kepada sikap negatif dan dikatakan mempunyai konsep kendiri

yang rendah, sekiranya ia mempunyai harapan, pandangan dan nilai yang rendah mengenai dirinya sendiri. Konsep kendiri sebagai satu gagasan yang dipelajari merupakan penggerak utama bagi individu bertenkah laku pada suatu ketika. Oleh itu pengalaman diri individu memainkan peranan yang penting dalam pembentukan konsep kendirinya. Secara umumnya , konsep kendiri merupakan satu susunan harapan, jangkaan dan penilaian seseorang tentang dirinya dan tindak balas yang diterima dari orang lain.

Salah satu dari bentuk prestasi tingkah laku yang dipentingkan dalam bidang pendidikan ialah dari segi pencapaian akademik. Pencapaian akademik menjadi kayu ukur di atas berjaya atau tidaknya seseorang individu, sekolah atau institusi. Pencapaian akademik yang tinggi bagi seseorang pelajar itu merupakan satu kebanggaan dan harapan iaitu bukan sahaja kepada sekolah, ibu bapa tetapi juga terhadap pelajar itu sendiri. Ini adalah selaras dengan tujuan atau matlamat asas pendidikan formal iaitu untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik.

Walsh (1983 ), mengaitkan masalah pencapaian akademik dengan masalah pembentukan konsep kendiri yang negatif. Menurut beliau individu yang mempunyai konsep kendiri yang negatif tidak pasti dengan harga diri serta melihat dirinya sebagai tidak diperlukan. Ini mendorong mereka untuk merasa murung dan tertekan. Keadaan ini seterusnya memberi implikasi yang tidak sihat terhadap tingkah laku dan sikap mereka terhadap pelajaran.

Pendapat ini bersesuaian dengan pendapat Metcalfe (1981) yang melihat pelajar yang tinggi konsep kendirinya menunjukkan sikap yang lebih positif berbanding dengan pelajar-pelajar yang rendah konsep kendirinya. Awang Had Salleh (1986) juga mengaitkan masalah pencapaian akademik dengan aspek kendiri pelajar. Kegagalan pelajar khususnya pelajar bumiputera dilihat ada berkait rapat dengan faktor dalaman diri pelajar itu sendiri. Mereka dikatakan mempunyai aspirasi dan cita-cita yang sederhana dalam pelajaran dan kerjaya.

Disamping itu mereka juga menunjukkan semangat persaingan yang rendah serta tidak mempunyai motivasi yang kuat untuk belajar.

Berdasarkan keadaan ini dirasakan mungkin terdapat hubungan sama ada secara langsung atau tidak langsung antara konsep kendiri pelajar dengan masalah pencapaian akademik mereka. Penerokaan yang betul dan teratur terhadap konsep kendiri seseorang pelajar dirasakan dapat membantu mereka menjadi lebih peka terhadap apa yang berlaku pada diri dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk berubah.

Selain daripada konsep kendiri, terdapat banyak lagi faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar seperti latar belakang keluarga, umur dan jantina seperti yang diutarakan oleh Cornelius dan Lockburn (1976). Menurut Awang Had Salleh (1986), dalam memperkatakan tentang masalah pencapaian akademik memang terdapat faktor-faktor yang diluar kawalan pelajar seperti faktor kurikulum, rakan sebaya, sistem pembelajaran, masalah tenaga pengajar dan masalah status ekonomi keluarga tetapi faktor-faktor tersebut bukanlah faktor yang dominan dalam mempengaruhi pencapaian akademik . Beliau menegaskan bahawa sebahagian besar faktor yang memberi pengaruh adalah faktor yang melibatkan diri pelajar itu sendiri.

### 1.1 Pernyataan Masalah

Matlamat pendidikan baik secara formal atau tidak rata-ratanya adalah sama iaitu untuk memperkembangkan potensi pelajar. Bagaimanapun tidak semua pelajar berjaya mencapai matlamat tersebut. Melihat dari apa yang telah berlaku khususnya di kalangan pelajar-pelajar tempatan, walaupun mereka telah didedahkan kepada sistem atau cara pendidikan yang serupa, tetapi perbezaan dalam mutu pencapaian akademik mereka masih berlaku. Keupayaan memasuki institusi pengajian tinggi membuktikan yang pelajar-pelajar ini pada asasnya mempunyai keupayaan akademik yang baik. Malangnya masih ada di kalangan

pelajar tersebut yang tidak berjaya menamatkan pengajian seperti yang di harapkan. Mereka ini sebenarnya mempunyai potensi untuk berjaya tetapi mungkin disebabkan faktor-faktor tertentu mereka gagal menunjukkan prestasi yang baik dalam pelajaran. Perangkaan dari sumber bahagian pendidikan tinggi tentang kemasukan, enrolmen dan lepasan universiti-universiti di Malaysia 1993 menunjukkan seramai 2,684 orang pelajar diterima melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma dan Integrasi tetapi hanya 1,916 sahaja yang berjaya mendapat diploma tersebut. Seramai 16,376 diterima melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Pertama tetapi hanya 11,469 sahaja yang berjaya mendapat ijazah tersebut. Bagi peringkat Sarjana seramai 1,148 diterima untuk melanjutkan pelajaran tetapi hanya 605 pelajar sahaja yang berjaya mendapat sarjana. Dari perangkaan tersebut, bilangan pelajar perempuan yang melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat Diploma Lepasan Ijazah adalah melebihi lelaki, tetapi kurangan dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran. Kekurangan tersebut mungkin disebabkan masalah utama wanita sebagai seorang isteri dan ibu menghalang mereka melanjutkan pelajaran walaupun mereka berupaya untuk mencapai tahap tersebut.

Laporan akhbar mengatakan berdasarkan pencapaian semasa wanita di negara ini, mereka dijangka menguasai beberapa bidang profesional dan pentadbiran dalam jangka masa beberapa tahun akan datang. Empat universiti tempatan yang mencatatkan bilangan pelajar perempuan melebihi lelaki ialah UM, UKM, UTM dan UIA<sup>1</sup>. Menurut Jabatan Perangkaan pula, mengikut pecahan berdasarkan taraf pendidikan, jumlah keseluruhan wanita berpendidikan tinggi adalah melebihi lelaki. Lapan di antara sepuluh negeri di mana bilangan wanita berpendidikan tinggi mengatasi lelaki ialah Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor dan Wilayah Persekutuan<sup>2</sup>.

---

<sup>1</sup> Berita Harian, Wanita Kini Semakin Mencabar, 31 Ogos 1992

<sup>2</sup> Ibid

Di bidang kerjaya wanita telah mendapat tempat dan dipercayai dalam penyerahan tugas yang berat seperti menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Kehakiman, Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan, ahli korporat yang berjaya dan banyak lagi<sup>3</sup>. Malah kini dikatakan wanita merupakan peminjam yang paling tepat setiap kali pembayaran balik pinjaman perniagaan dibuat. Ini diakui oleh pegawai kewangan Amanah Ikhtiar Malaysia, Cik Rozita Mohamad yang mengatakan kadar peratus bayaran balik di kalangan sahabat Ikhtiar Wanita ialah 99.9% <sup>4</sup>. Beliau menjelaskan mereka ini (wanita) adalah peminjam yang paling berdisiplin dan setiap kali pembayaran dapat dilaksanakan pada masa yang ditetapkan<sup>5</sup>. Dedikasi yang ditunjukkan ini secara tidak langsung mencerminkan konsep kendiri kaum wanita. Tidak hairanlah juga jika dikatakan ramai guru-guru di Malaysia terdiri daripada kaum wanita. Kenyataan ini dapat ditunjukkan melalui carta Lepasan Maktab Perguruan 1989 - 1993 dari sumber Kementerian Pendidikan Malaysia. Begitu juga keputusan peperiksaan SPM 1997 yang baru diumumkan mencatatkan 75.8 % pelajar perempuan yang lulus berbanding 64.2 % pelajar lelaki<sup>6</sup>.

Datuk Asiah Abu Samah, Ketua Pengarah Pendidikan berkata, setakat ini kemerosotan pencapaian akademik pelajar bukan berpunca daripada kekurangan tenaga pengajar tetapi masalah guru dan ibu bapa yang suka mengambil sikap sambil lewa. Beliau menjelaskan sekolah perlu mencapai jalan sesuai bagi mendapatkan kerjasama ibu bapa bagi memperbaiki prestasi pelajar<sup>7</sup>.

Prestasi pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar di Selangor kini berada pada tahap membimbangkan berikutkan satu kajian mendapati 96% pelajar di negari itu khususnya bumiputera, tidak bersemangat untuk belajar<sup>8</sup>. Kajian ini

<sup>3</sup> Berita Harian, Wanita Kini Turut Mencapai Kedudukan Tinggi, 31 Ogos 1992

<sup>4</sup> Ibid

<sup>5</sup> Ibid

<sup>6</sup> Berita Harian, 83 Sekolah Catat Kelulusan 100 Peratus, 31 Mac 1998

<sup>7</sup> Berita Harian, Cari Punca Pelajar Merosot, 27 Oktober 1991

<sup>8</sup> Berita Harian, 96% Pelajar di Selangor Malas, 27 Ogos 1994

mendapati 85% pelajar tidak mempunyai kesedaran untuk belajar manakala 84% hanya membuang masa di sekolah tanpa mempunyai cita-cita dan matlamat hidup<sup>9</sup>. 72% pula tidak suka buku, manakala 78% didapati tidak belajar dengan menggunakan kaedah yang betul<sup>10</sup>. Dalam satu kajian berasingan pula, pelajar Melayu di dapati menghabiskan masa 50 jam seminggu untuk bermain, berbanding 20 jam di kalangan pelajar bukan Melayu<sup>11</sup>. Ketika mendedahkan hasil kajian yang dijalankan oleh sebuah badan bebas, Pengurus Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK), Zainal Abidin Sukom berkata masalah itu adalah serius dan perlu diatasi segera<sup>12</sup>.

Menurut Chiam Heng Keng dan Ng See Ngean (1982), konsep kendiri dianggarkan mempunyai hubungan yang positif dengan kebolehan akademik tetapi tidak semua kajian mengesahkan jangkaan sedemikian. Selanjutnya mereka menegaskan bahawa konsep kendiri yang spesifik adalah lebih sesuai digunakan untuk meramal kebolehan akademik daripada konsep kendiri menyeluruh. Chew Sing Buan dan rakan-rakan (1995) pensyarah dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya dalam kajian mereka mendapati bahawa terdapat perbezaan lelaki dan perempuan dari segi pencapaian akademik di peringkat SPM tetapi tidak ada perbezaan dalam aspirasi kerjaya antara lelaki dan perempuan.

Berikut dengan pendapat atau hasil kajian lepas, banyak tohmahan dan kekeliruan yang timbul tentang fahaman mengenai pencapaian akademik seseorang individu. Antara kekeliruan dan tohmahan yang dilemparkan adalah seperti berikut :

1. Konsep kendiri yang rendah menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan di sekolah walaupun mereka mempunyai kecerdasan (IQ) yang tinggi.

---

<sup>9</sup> Berita Harian, 96% Pelajar di Selangor Malas, 27 Ogos 1994

<sup>10</sup> Ibid

<sup>11</sup> Ibid

<sup>12</sup> Ibid

2. Pelajar-pelajar lelaki mempunyai penggerak pencapaian yang rendah menyebabkan mereka mempunyai konsep kendiri yang rendah dan seterusnya pencapaian akademik mereka rendah atau merosot .
3. Pelajar-pelajar perempuan mempunyai penggerak pencapaian yang tinggi menyebabkan mereka mempunyai konsep kendiri yang tinggi dan seterusnya pencapaian akademik mereka tinggi.
4. Guru-guru dan ibu bapa yang suka mengambil sikap sambil lewa dalam mendidik anak-anak mereka.
5. Budaya pelajar-pelajar di Malaysia khususnya pelajar-pelajar bumiputera yang tidak menunjukkan minat untuk belajar.

Daripada tohmahan-tohmahan tersebut, dapat dirumuskan bahawa masih tiada kepastian lagi tentang fahaman mengenai pencapaian akademik pelajar-pelajar di sekolah-sekolah dan universiti-universiti. Tohmahan yang mana satu patut dipercayai masih lagi dalam pertimbangan. Disebabkan permasalahan inilah pengkaji amat berminat untuk mengkaji mengapa timbulnya kekeliruan tersebut dan ia patut diselesaikan bagi memuaskan hati semua pihak.

## 1.2 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini adalah tertumpu kepada permasalahan yang telah disebutkan iaitu :

1. Untuk melihat rupabentuk konsep kendiri pelajar-pelajar perempuan sama ada tinggi atau rendah
2. Untuk melihat rupabentuk konsep kendiri pelajar-pelajar lelaki sama ada tinggi atau rendah
3. Untuk melihat sama ada terdapat atau tidak perbezaan konsep kendiri pelajar-pelajar lelaki dan perempuan di tiga buah sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan.

4. Untuk melihat benar atau tidak konsep kendiri mempengaruhi pencapaian akademik pelajar-pelajar yang terlibat.

Kajian ini dijalankan untuk menentukan perbezaan konsep kendiri fizikal, keluarga, sosial dan intelek mengikut jantina dan pencapaian akademik. Disamping itu juga, ia cuba mengenal pasti sejauh mana konsep kendiri berperanan dalam proses pembelajaran seseorang pelajar dan apakah faktor-faktor yang perlu diberi perhatian dalam usaha mengatasi masalah pencapaian akademik. Seterusnya kesedaran tentang peranan konsep kendiri dalam pembentukan sahsiah, perkembangan tingkah laku, dan proses pembelajaran akan dapat menolong para pendidik dan pentadbir kurikulum merancang pelbagai program untuk memupuk konsep kendiri yang positif di kalangan pelajar.

### 1.3 Kepentingan Kajian

Konsep kendiri merupakan unsur penting dalam pembentukan personaliti seseorang. Konsep kendiri yang positif dalam bentuk penghargaan dan penerimaan kendiri merupakan asas bagi perkembangan personaliti yang sihat .

Hurlock (1974) menyatakan bahawa konsep kendiri ialah penentu utama tingkah laku seseorang. Apabila konsep kendiri individu itu berada dalam keadaan harmoni dengan konsep-konsep yang dimiliki oleh orang lain mengenai individu tersebut, barulah individu itu mencapai penyesuaian yang baik yang akan menentukan kejayaan di sekolah.

Analisis terhadap konsep kendiri menunjukkan bahawa konsep kendiri adalah sesuatu yang dipelajari dan mempengaruhi proses pembelajaran. Dalam menyatakan konsep kendiri dengan teori pembelajaran, Beatly dan Clark (1968), menyatakan pembelajaran ialah hubungan yang sentiasa berubah antara konsep kendiri dengan persepsi seseorang terhadap dunia sekeliling (dalam Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib 1991). Menurut Purkey (1970) pula,

banyak kajian menunjukkan bahawa pembelajaran dalam bidang kognitif mempunyai kaitan secara langsung dengan konsep kendiri.

Berdasarkan kepada bukti-bukti kajian di atas, kajian ini membawa implikasi kepada perkembangan ilmu khususnya bagi meluaskan lagi perspektif kita di bidang ini. Sekali gus ini akan membawa implikasi kedua iaitu terhadap penyelesaian masalah berhubung dengan pelajar-pelajar di sekolah. Kajian seperti ini juga diharapkan dapat memberi kefahaman dan kesedaran kepada pelajar-pelajar dan guru-guru tentang kepentingan konsep kendiri dalam membentuk akhlak yang baik. Guru-guru akan dapat mengesan konsep kendiri yang rendah yang ada dalam diri pelajar-pelajarnya, yang kemungkinan selama ini menghalang pembelajaran mereka. Seterusnya guru-guru dan pelajar-pelajar bolehlah mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki sifat-sifat negatif tadi.

Dengan mengetahui kelemahan utama konsep kendiri, maka pihak pentadbir juga diharapkan dapat membentuk program-program yang sesuai untuk membentuk konsep kendiri yang positif pada pelajar-pelajar supaya mereka lebih berjaya dalam arena pendidikan yang dihadapinya. Antara program yang boleh dibentuk ialah kursus-kursus motivasi dan aktiviti ko-kurikulum seperti rakan muda dan pembimbing rakan sebaya (PRS).

Di samping melanjutkan lagi kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu, kajian ini dijangkakan boleh menyediakan asas bagi kajian-kajian berikutnya dengan memperlihatkan hubungan yang lebih nyata antara pembolehubah-pembolehubah. Kalau kini kita kurang memberi perhatian kepada pelajar dari segi konsep kendirinya, maka adalah diharapkan agar cadangan atau syor yang diberikan nanti dapat dijadikan panduan untuk mengubah sikap kita (guru, pelajar, ibu bapa dan masyarakat) dalam memberi rangka pendidikan yang lebih bermakna kepada pelajar-pelajar.

#### **4 Batasan kajian**

Kajian mengenai konsep kendiri melibatkan persoalan bagaimana orang elihat personaliti mereka secara keseluruhan tanpa meninggalkan mana-mana komponen atau bahagian tertentu. Oleh itu kajian ini cuba mengemukakan berapa banyak aspek yang mungkin bagi mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai konsep kendiri. Kajian ini merangkumi 10 faktor atau aspek iaitu: kendiri fizikal, perasaan terhadap diri sendiri, emosi, sikap menerima, perhubungan keluarga, rakan sebaya, identiti kendiri, keyakinan diri, penilaian diri dan mengarah ke matlamat. Soalan-soalan yang akan dikemukakan kepada subjek kajian melalui soal selidik adalah meliputi kesemua aspek tersebut.

Kajian adalah tertumpu kepada 158 orang subjek yang terdiri daripada 72 orang pelajar lelaki dan 86 orang pelajar perempuan di tiga buah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Ketiga-tiga buah sekolah adalah memenuhi kriteria yang dikehendaki dan pelajar-pelajarnya mempunyai tahap pencapaian yang hampir serupa. Segala kemudahan dan alat-alat pengajaran ialah pada tahap yang sama. Pelajar yang terlibat berada dalam lingkungan 16 tahun (tingkatan 4). Aspek agama, etnik dan latarbelakang sosio ekonomi keluarga pelajar tidak diambil kira.

Dari segi pencapaian pula, pengkaji telah menghadkan kepada keputusan peperiksaan akhir tahun tingkatan 4 1997 bagi sekolah-sekolah yang terlibat. Min agregat bagi subjek akan dikira dan ditentukan. Subjek yang mendapat agregat kurang daripada min dianggap sebagai mempunyai pencapaian akademik yang tinggi dan subjek yang mendapat agregat melebihi min dianggap sebagai mempunyai pencapaian akademik yang rendah.

## **1.5 Definisi Istilah**

### **1.5.1 Definisi Konsep**

#### **Konsep Kendiri**

Konsep kendiri didefinisikan sebagai kumpulan sikap, pertimbangan dan nilai yang dipegang oleh seseorang berdasarkan kepada tingkah laku, kebolehan, rupa paras dan harga dirinya sebagai seorang individu.

Roger (1951), menyatakan bahawa konsep kendiri dan nilai seseorang adalah diperolehi melalui interaksi awal dengan orang-orang yang signifikan terutamanya ibu bapa. Interaksi yang berbeza antara ibu bapa dan anak, akan memberi kesan yang berbeza ke atas perkembangan diri individu. Menurut beliau, konsep kendiri ialah bagaimana seseorang itu berpendapat dan menganggap dirinya berdasarkan kesedaran tentang kelebihan atau kekurangan dan juga maklumat yang diterima daripada orang lain.

Fitts (1965), mendefinisikan konsep kendiri sebagai persepsi seseorang individu terhadap dirinya sendiri. Beliau menyatakan bahawa konsep kendiri adalah sesuatu yang kompleks dan tidak dapat dinyatakan di bawah satu tajuk sahaja. Melalui Skala Konsep Kendiri Tennessee yang dibinanya, beliau telah mengemukakan 8 bidang kendiri iaitu kendiri fizikal, moral-etika, peribadi, keluarga, hubungan sosial, identiti, kepuasan diri dan tingkah laku.

Konsep kendiri ialah satu konsep yang terbina daripada organisasi kognitif dan proses perkembangan yang dinamik. Ia merangkumi satu rangkaian kepercayaan dan sikap yang dipunyai oleh individu. Sikap merupakan hasil-hasil organisasi kognitif mengenai pelbagai konsep yang ada hubungan dengan perasaan. Konsep kendiri, sebagai satu konsep merupakan struktur kognitif. Oleh kerana ia mengandungi sikap dan kepercayaan, maka ia berbentuk afektif. Justeru itu konsep kendiri bolehlah ditakrifkan sebagai satu simbol kognitif-afektif yang berlandaskan nilai. Ia diperolehi melalui pematangan dan pengalaman.

Persepsi mengenai diri ialah satu persepsi yang berasaskan nilai kerana dianggap sebagai kriteria kepada pembentukan tingkah laku atau perangai.

Bagi Jersild (1963), konsep kendiri adalah petunjuk bagi memahami kesihatan mental yang mana individu yang sihat adalah individu yang memahami dan menerima diri sendiri. Mc Candless dan Evan (1973), membahagikan konsep kendiri kepada tiga komponen yang saling berkait iaitu konsep kendiri, penghargaan kendiri dan identiti (dalam Brophy dan Good 1974). Di sini konsep kendiri didefinisikan sebagai kesedaran individu tentang ciri dan sifat dirinya serta bagaimanakah ia serupa dan berbeza daripada orang lain.

Menurut Felker (1974), konsep kendiri mempunyai peranan yang aktif dan dinamik dalam menentukan pangalaman yang akan dilalui oleh seseorang individu. Beliau mengemukakan tiga fungsi utama konsep kendiri sebagai penentu kepada tingkah laku manusia. Fungsi-fungsi tersebut ialah :

- i. Konsep kendiri sebagai penentu ketekalan dalaman.
- ii. Konsep kendiri sebagai penginterpretasi dalaman.
- iii. konsep kendiri sebagai pembina harapan.

### **Konsep Kendiri Positif**

Konsep kendiri positif merujuk kepada beberapa ciri tingkah laku yang terbit daripada rasa harga diri yang tinggi. Ini termasuklah bebas membuat penilaian dan keputusan, mengambil tanggungjawab, bangga dengan kejayaan yang dicapai, menghadapi cabaran dengan penuh semangat, berasa gembira sentiasa, boleh bertolak ansur dengan kekecewaan dan berkesanggupan untuk mempengaruhi orang lain. Konsep kendiri yang positif adalah perlu untuk menjamin kestabilan diri pelajar. Menurut Ames (1978), pelajar yang tinggi konsep kendirinya akan mengalami emosi yang positif (Kamaliah Abu 1992).

Dalam keadaan begini pelajar akan terdorong untuk meneroka dunia pembelajaran dengan lebih cekal dan bersemangat.

### Konsep Kendiri Negatif

Konsep kendiri negatif pula merujuk kepada perasaan dan tingkah laku seperti rasa tidak berbakat untuk melakukan apa sahaja, tidak menghargai dirinya, kurang keyakinan diri, mudah dipengaruhi oleh orang lain, selalu murung, mengelakkan situasi yang mencemaskan, mempunyai helah bela diri yang tinggi, mudah kecewa dan meletakkan kesalahan dirinya pada orang lain. Penghormatan kendiri yang rendah mirip untuk membuat individu merancang matlamat yang rendah untuk dirinya. Jika fenomena ini berlaku dalam diri pelajar, pelajar berkenaan mungkin mengalami motivasi yang rendah untuk berjaya dan ini boleh memberi implikasi yang tidak sihat kepada pencapaian akademiknya.

#### 1.5.2 Definisi Operasional

##### Konsep kendiri

Dalam kajian ini konsep kendiri merujuk kepada bagaimana perasaan individu terhadap dirinya dari aspek fizikal, emosi, sikap menerima, perhubungan keluarga, rakan sebaya, identiti kendiri, keyakinan penilaian diri dan tingkah laku mengarah kepada matlamat. Bagaimana individu meletakkan nilai terhadap aspek-aspek tersebut akan membina sikap dan kepercayaan dalam pembentukkan konsep kendiri.

Penentuan konsep kendiri ini berdasarkan jawapan pelajar melalui satu set soal selidik yang meliputi kesemua aspek seperti yang tersebut di atas. Bagi menentukan konsep kendiri positif atau negatif, maka nilaitara yang digunakan ialah skor min yang dikira daripada jumlah skor yang didapati oleh setiap pelajar.

Konsep kendiri positif - Pelajar yang mendapat skor sama dengan atau lebih skor min dianggap mempunyai konsep kendiri yang positif.

Konsep kendiri negatif - pelajar yang mendapat skor kurang daripada skor min dianggap mempunyai konsep kendiri yang negatif.

### **Pelajar-pelajar Lelaki**

Pelajar-pelajar lelaki ialah pelajar-pelajar lelaki tingkatan empat di tiga buah sekolah yang terlibat di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Tiga buah sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Paroi Jaya dan Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Sikamat . Mereka terdiri daripada etnik Melayu , Cina dan India.

### **Pelajar-pelajar perempuan**

Pelajar-pelajar perempuan ialah pelajar-pelajar perempuan tingkatan empat di tiga buah sekolah yang tersebut di atas. Mereka juga terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India.

### **Pencapaian Akademik**

Menurut Kerlinger (1973 :117), pencapaian akademik merujuk kepada gred atau skor yang diperolehi oleh pelajar-pelajar dalam satu ujian piawai. Wallman (1973), mendefinisikan pencapaian akademik sebagai skor-skor atau gred-gred yang dicapai oleh pelajar-pelajar dalam sesuatu ujian atau peperiksaan yang piawai. Ianya boleh dinyatakan berdasarkan penilaian guru terhadap prestasi pelajar-pelajar dalam kelas. Undang (1976) pula, memberi makna pencapaian akademik sebagai kemampuan pelajar-pelajar untuk mendapat gred-gred yang baik bagi satu-satu matapelajaran yang diambil.

Salah satu cara menentukan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar di Malaysia ialah dengan melihat gred yang diperolehi semasa

peperiksaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Bagi maksud kajian ini, pencapaian akademik merujuk kepada bilangan agregat atau keputusan yang diperolehi pelajar-pelajar yang terlibat dalam peperiksaan akhir tahun 1997. Keputusan peperiksaan ini digunakan untuk mengukur pencapaian akademik mereka kerana ia merupakan sumber yang paling tepat dalam melihat hubungannya dengan konsep kendiri.